

Headline	Homoseksual dan biseksual penyumbang utama HIV		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	29 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,842
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,526



Homoseksual dan biseksual penyumbang utama HIV

GOLONGAN

homoseksual dan biseksual kini menjadi kumpulan penyumbang utama dalam penyebaran virus HIV dan AIDS terutamanya di sekitar ibu negara, kata pakar perubatan kesihatan awam.

Ketua Penolong Pengarah Kanan (HIV/STI) Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya Dr Rohaya Ramli berkata, walaupun trend jangkitan HIV mencatatkan penurunan, namun terdapat perubahan terhadap pola jangkitan virus itu.

"Kalau dahulu sebanyak 80 peratus jangkitan HIV berpunca daripada penggunaan dadah, tetapi sekarang trend menunjukkan sebanyak 96 peratus jangkitan adalah melalui kaedah aktiviti seksual berdasarkan statistik sehingga Jun tahun ini.

"Sebanyak 65 peratus jangkitan adalah berpunca daripada golongan homoseksual dan biseksual, manakala 31 peratus adalah jangkitan daripada hubungan seksual lelaki kepada wanita dan sebaliknya," katanya pada program Nine11 di Bernama News Channel, baru-baru ini.

Beliau berkata secara keseluruhan, jumlah jangkitan HIV yang direkodkan di seluruh negara sejak 1986 sehingga Disember lepas ialah sebanyak 110,000 kes.

Jumlah jangkitan penyakit AIDS pula sebanyak 23,000 kes dengan jumlah kematian keseluruhan sebanyak 18,000 kes.

"Bagi kes kumulatif di Kuala Lumpur untuk tempoh yang sama, sebanyak 9,700 kes HIV dilaporkan, selain 3,600 kes AIDS dengan 2,300 jumlah kematian direkodkan," katanya.

Dr Rohaya berkata bagi mencapai sasaran kempen sifar jangkitan HIV di Kuala Lumpur menjelang 2020, Kementerian Kesihatan menjalankan program pencegahan dan kawalan yang memberi fokus kepada belia.

"Kita turut memberi tumpuan kepada golongan berisiko terdiri daripada pengguna dadah, pekerja seks wanita, golongan homoseksual dan 'maknyah'.

"Antara langkah yang diambil adalah kita tekankan tentang bahaya HIV kepada golongan remaja supaya mereka dapat mengelak dan menghindari diri dari terlibat dengan hubungan seks sebelum berkahwin," katanya.

Dalam pada itu, Dr Rohaya menyeru golongan yang berisiko dijangkiti virus HIV supaya segera menjalani ujian saringan dan sekiranya disahkan positif HIV, mereka perlu mendapatkan rawatan untuk menghentikan virus itu daripada merebak. — Bernama